

**JAWAPAN MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM - SWASTA
1/2004**

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
[10] LMW	5	18	<p>Kedudukan</p> <p>Bahagian Kastam Ibu Pejabat telah meluluskan permohonan Motorola Technology Sdn. Bhd. dari Pulau Pinang pada 16.02.2004.</p> <p>Untuk makluman</p>
[13] Discrepancy in the sales tax treatment between a licensed manufacturer with repacking activities and a person who solely carries on repacking activities	5	19	<p>Kedudukan</p> <p>Perbincangan dengan pihak MIT yang telah diadakan pada 19.11.2004 dan keputusan bersama telah dicapai seperti berikut:-</p> <p>a) Pengilang berlesen dibenarkan menjalankan aktiviti 'repacking' dan dikecualikan di bawah Butiran 8, Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pelesenan) 1997 dengan dikenakan syarat-syarat seperti berikut:-</p> <p>i) Menyimpan rekod/ akaun berasingan untuk pemeriksaan Pegawai Kastam yang hak pada bila-bila masa</p> <p>ii) Menyimpan barang-barang bagi aktiviti 'repacking' secara berasingan dengan barang-barang belum bayar cukai (CJ 5) bagi aktiviti pangilangan produknya.</p>

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
			<p>iii) Semua input (bulk goods & packing materials) yang diimport atau dibeli tempatan hendaklah dibayar cukai dan tidak layak CJ5.</p> <p>iv) Setiap pangilang berlesen yang ingin menjalankan aktiviti 'repacking' tempatan hendaklah memohon kelulusan Kastam terlebih dahulu.</p> <p>b) Pengilang berlesen berkenaan juga boleh memilih untuk kekal dilesenkan bagi aktiviti 'repacking' bersesekali dengan aktiviti pengilangannya selaras dengan peruntukan Seksyen 14, Akta Cukai Jualan 1972 dan dengan ini ianya tertakluk kepada semua peruntukan di bawah Akta tersebut.</p>
<p>[21] Renewal Of Forwarding Agents' Licence</p>	<p>5</p>	<p>23</p>	<p>Kedudukan</p> <p>Syarikat Agen Penghantaran perlu mengemukakan tujuh (7) dokumen sahaja bagi tujuan pembaharuan lesen seperti berikut:-</p> <p>(i) Lampiran C – Format Permohonan</p> <p>(ii) Form Of Annual Return</p> <p>(iii) Salinan Penyata KWSP</p> <p>(iv) Senarai Kakitangan Syarikat</p> <p>(v) Salinan Sijil Kursus Asas Agen Kastam</p> <p>(vi) Salinan Lesen CP</p> <p>(vii) Salinan Bon Am</p>

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
<p>[22] One Stop Centre For Air Industry</p>	<p>5</p>	<p>23</p>	<p>Kedudukan</p> <p>i) <u>Jawapan dari Kastam, Wilayah Persekutuan</u></p> <p>Semua urusan Cukai Dalam, Penjenisan dan Perkastaman boleh dijalankan di KLIA tetapi hanya beberapa urusan seperti pembaharuan dan permohonan Lesen Agen Penghantaran perlu dijalankan di Kelana Jaya.</p> <p>ii) <u>Jawapan dari Kastam Pulau Pinang</u></p> <p>'One Stop Centre For Penang International Airport' untuk urusan penilaian dan penjenisan tidak dapat dilaksanakan kerana jumlah permohonan tidak begitu banyak.</p> <p>Kastam Pulau Pinang memang bercadang untuk menubuhkan 'One Stop Centre' bagi urusan Cukai Dalam dan Perkastaman dimasa akan datang.</p>
<p>[23] Conflicting Administration</p>	<p>5</p>	<p>23</p>	<p>Kedudukan</p> <p>Bahagian Perkhidmatan Teknik akan mengarahkan Pegawai Kanan untuk ditempatkan di KLIA pada hari bercuti am di Wilayah Persekutuan.</p>
<p>[24] Golden Client</p>	<p>5</p>	<p>24</p>	<p>Kedudukan</p> <p>Customs Golden Client dilaksanakan ke atas pengimport-pengimport saja. Bagi Agen Penghantaran, Kastam Diraja Malaysia akan melaksanakan program Penganugerahan Sijil Perkhidmatan Emas mulai tahun ini (2005).</p>

PERKARA	AGENDA	MUKA SURAT	KEDUDUKAN/TINDAKAN
[25] Poor Management In KLIA Cargo Village	5	24	Kedudukan Pemasangan CCTVs akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
[30] 51% Bumiputra Equity In Forwarding Companies	5	26	Kedudukan Ketetapan kuota ini merupakan dasar kerajaan. Dasar 51% Ekuti Bumiputra adalah dikekalkan. Kastam Diraja Malaysia tidak akan membuat kajian semula.

Disediakan oleh;

*Urusetia
Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 1/2005
b.p Unit Perhubungan Awam
Kastam Diraja Malaysia*